

# UMS anjur bengkel galak pembangunan penyelidikan jangka panjang

UB 7.3 2017 B1

Oleh ALFRED PETRUS

**UNIVERSITI** Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Antarabangsa Pemantauan dan Analisis Data Sumber Hutan dan Persekitaran Jangka Panjang.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata bengkel melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS itu adalah untuk menggalakkan pembangunan penyelidikan jangka panjang dalam bidang perhutanan.


"Ia adalah bagi memantau persekitaran hutan dan

mewujudkan kerjasama pelbagai hala rangkaian penyelidikan antara institusi teras.

"UMS dengan bangganya mewakili Malaysia sebagai salah satu daripada lima institusi teras dalam usaha kerjasama antara negara-negara Asia di bawah program 'Core-to-Core' ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Bengkel Antarabangsa Pemantauan dan Analisis Data Sumber Hutan dan Persekitaran Jangka Panjang, di Kota Kinabalu, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Dekan



**BABA** (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Naoto (kanan) sambil diperhati oleh Phua (kiri).

Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS Profesor Dr Baba Musta.

Harun berkata bengkel selama sehari itu dilaksanakan melalui kerjasama dengan institusi teras dari lima negara seperti Jepun, Korea, Taiwan, Thailand dan Malaysia yang memegang tapak penyelidikan dalam kawasan iklim dan tumbuhan yang berbeza di Asia.

Turut hadir pada bengkel berkenaan ialah Pengarah Universiti Perhutanan Tokyo Hokaido (UTHF) Profesor Dr Naoto Kamata dan Pengerusi Penganjur Profesor Dr Phua Mui How. Sementara itu, Naoto

berkata program itu adalah penting untuk mengesan perubahan dalam persekitaran hutan dan ekosistem.

"Universiti Perhutanan Tokyo (UTF) telah mengadakan projek pertukaran penyelidikan yang dikenali sebagai Pembangunan Rangkaian Stesen Bidang Penyelidikan Jangka Panjang untuk Memantau Perubahan Alam Sekitar dan Ekosistem Hutan di Asia.

"UTF telah mengumpul data ekologi dan cuaca jangka panjang yang disediakan untuk pengurusan hutan dan penyelidikan kami," katanya.